

**HANTU BETAMAK**  
Brown Hawk-owl

FAMILI : Strigidae  
NAMA SAINTIFIK: *Ninox scutulata*



**CIRI-CIRI**

Individu dewasa adalah bersaiz sederhana, berkepala kecil dan ekor panjang, bahagian atas badan berwarna coklat yang seragam (lebih kelabu di bahagian tepi kepala, atas kepala dan belakang tengkuk) dengan tompokan putih di antara bahagian mata dan berwarna putih ke kuning-putih di bahagian bawah badan serta terdapat jalur-jalur yang lebar yang berwarna coklat buah berangan. Bahagian ekor pula berwarna kelabu-coklat pudar dengan jalur-jalur kehitaman yang lebar. *N.scutulata .scutulata* (tempatan Semenanjung Malaysia, Singapura) mempunyai warna badan yang lebih gelap, warna di bahagian tepi kepala dan atas badan lebih seragam, warna jalur-jalur di bahagian bawah badan lebih terang tetapi lebih pudar di bahagian perut dan bawah tongkeng; Bagi burung juvenil, bahagian atas badan adalah lebih pudar manakala bahagian bawah badan lebih lusuh.

**SAIZ**

Panjang keseluruhan bagi burung dewasa adalah di antara 30.0 sm-31.0 sm.

**MAKANAN**

Burung-burung kecil, mamalia kecil, serangga, invertebrata, amfibia, reptilia dan ikan.

**HABITAT**

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan terbuka, paya bakau, kawasan berkayu, taman-taman dan spesies ini boleh dijumpai sehingga ketinggian 1,200 m dari aras laut.

**BUNYI**

Mengeluarkan bunyi penandaan kawasan yang kuat dan dalam tetapi nadanya semakin tinggi iaitu *whu-up* dan diulang setiap saat.

**PEMBIAKAN**

Membiaik dalam bulan Mac hingga Jun. Membuat sarang di dalam lubang pokok, biasanya pada ketinggian 6 meter dari aras tanah. Bertelur di antara 2-5 biji dan telurnya adalah berwarna putih

**STATUS**

Akta76/72, dipelihara.